



## Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) komited untuk melaksanakan Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy) dan berazam untuk:

- a. Membudayakan nilai-nilai teras seperti berintegriti, profesionalisme dan cemerlang dalam memastikan tadbir urus korporat dan persekitaran LHDNM yang mampan.
- b. Menyediakan landasan komunikasi terbuka, selamat dan terjamin kepada Pemberi Maklumat untuk melaporkan kebimbangan atau mendedahkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar melibatkan pegawai LHDNM dengan niat yang baik dan suci hati serta mempunyai alasan yang munasabah.
- c. Merahsiakan identiti dan mengambil serius atau mempertimbangkan apa jua cara dalam keupayaannya memberi perlindungan atau keselamatan kepada Pemberi Maklumat.
- d. Tidak berkompromi terhadap sebarang Kelakuan Tidak Wajar pegawai LHDNM jika terbukti kesalahan dilakukan.
- e. Sekiranya terbukti maklumat yang dikemukakan tidak betul, bercanggah dan berunsur fitnah, Pemberi Maklumat tidak akan dilindungi di bawah Dasar ini dan boleh dikenakan tindakan seperti ketetapan berikut:
  - i. Pegawai LHDNM: Tindakan disiplin boleh dikenakan dengan merujuk kepada Peraturan-Peraturan Tatatertib LHDNM 2008;
  - ii. Bukan Pekerja LHDNM: Merujuk kepada pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, dan sebagainya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

**Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi**  
Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

17 November 2022